Kiasan dalam Retorik Penulisan Kewartawanan : Memartabatkan Bangsa dan Tamadun Melayu

Nor Azuwan Yaakob
Norazlina Mohd Kiram
Fakuti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia

Abstrak

Secara khususnya, kertas kerja ini cuba meneliti peranan kiasan Melayu dalam retorik penulisan kewartawanan dan sumbangannya dalam memartabatkan bangsa dan tamadun Melayu. Kiasan Melayu berkait rapat dengan *world-view* masyarakat yang dihasilkan dalam bentuk daya cipta seni yang luar biasa, membentuk pemikiran, sistem nilai, kepercayaan, falsafah dan ketamadunan bangsa. Penggunaannya dalam dunia penulisan kewartawanan berupaya mengungkapkan kesantunan, ketertiban dan keteraturan fikiran di samping berjaya mengangkat martabat bangsa dan tamadun Melayu. Analisis yang dijalankan adalah berdasarkan kepada Teks Ucapan Belanjawan Negara 1998. Seterusnya, pengklasifikasian bentuk-bentuk kiasan Melayu adalah berdasarkan kajian Safian Hussain (1988). Hasil kajian menunjukkan bahawa kiasan Melayu merupakan gaya bahasa yang positif, kreatif dan halus.

Abstract

This article aims to investigate the use of Malay idioms in the rhetoric of journalistic writing and its contribution in upholding the Malay race and civilization. Malay idioms are generally associated with worldview in creative arts, value systems, beliefs, philosophy and civilization of nations. Its use in journalistic writing portrays order, politeness and organised thoughts which successfully raise the dignity of the Malay race and civilization. The analysis carried out on the State Budget Speech 1998 text. The classification of Malay idioms is based on Safian Hussain's work (1988). On the whole, the findings reveal that the Malay idioms is a style of figurative language which is positive, creative and refined.

Pengenalan

Sejarah kewartawanan merungkai kisah perjuangan panjang kemanusiaan untuk berkomunikasi bagi menemukan dan mentafsirkan berita serta mengemukakan pendapat dan menggalakkan pemikiran (Emery et al., 1996:v). Kemunculan kewartawanan moden adalah suatu tahap dalam evolusi manusia yang dianggarkan telah bermula sejak 10 000 tahun yang lampau. Perkembangan yang bermula dari Timur Tengah dan di Asia telah tersebar ke Eropah dan seterusnya ke Amerika. Perkembangan tersebut didorong oleh keperluan mencatat rekod perniagaan, peluasan wilayah, perkembangan idea-idea keagamaan atau untuk keperluan catatan kesenian (Emery et al., 1996:1).

Percubaan sistematik yang pertama untuk mengumpulkan dan menyebarkan maklumat ialah warta harian tulisan tangan di Forum Roman antara tahun 59 Sebelum Masihi (SM) dan tahun 222 Masihi yang dinamakan *Acta Diurna*. Pada sekitar tahun 100 Masihi pula bangsa

Cina mencipta kertas daripada palpa dan serat kayu. Percetakan blok kayu telah diperkenalkan ke Eropah apabila Marco Polo pulang dari Negara China pada tahun 1295 (Elizabeth Eisenstein, 1980). Selanjutnya percetakan akhbar berkembang pesat di Eropah pada abad ke-14 dan 15 dan paling berkesan dalam konteks menjadi mangkin utama yang mempengaruhi perubahan sosial dan politik (Elizabeth Eisenstein, 1980).

Kewartawanan sebagai subbidang komunikasi massa dapat ditelusuri sejarah penyerlahannya dalam Zaman Pembaharuan (*Renaissance*) pada abad ke-16 (Siebert, Peterson, dan Schramm, 1956). Sebelum munculnya era komunikasi elektronik, seperti radio, televisyen dan internet, bidang kewartawanan bersinonim dengan akhbar dan majalah. Bahasa pula merupakan wahana komunikasi yang digunakan seseorang bagi menyampaikan maklumat kepada seseorang untuk pelbagai tujuan, sama ada memberitahu, memaklumat, memujuk, dan memberi arahan (Leech dan Short, 1993: 245). Dalam proses komunikasi, bahasa beroperasi dalam bentuk dwifungsi. Pertama, sebagai alat yang menstrukturkan segala idea atau perasaan dalam akal sehingga dapat disampaikan kepada khalayak, melalui bentuk linguistik daripada bentuk yang terkecil, iaitu morfem sehingga bentuk lengkap, iaitu wacana. Kedua, ialah fungsi bahasa dalam konteks penerimaan idea dan perasaan daripada individu atau pihak lain, iaitu bahasa menjadi saluran bagi akal menanggap idea dan perasaan yang diterimanya daripada individu lain (Awang Sariyan, 2005: 6-8).

Bagi menghasilkan penulisan bentuk berita mahupun editorial, Bruce D. Itule dan Douglas A. Anderson (1994) menggariskan empat kriteria yang perlu diprihatinkan, iaitu kesemasaan, konflik, kesan serta dampak dana tarikan. Sehubungan dengan ini, Harry W. Stonecipher pula berpendapat prinsip-perinsip penulisan kewartawanan perlu mempunyai prinsip-prinsip penting yang merangkumi pemilihan subjek, pemerolehan fakta, refleksi, penguasaan teknik-teknik pemujukan, kredibiliti, maklum balas dan dasar akhbar. Kertas kerja ini terarah kepada penggunaan kiasan Melayu dalam retorik penulisan akhbar yang menggunakan teks Belanjawan Negara Malaysia 1998.

Retorik sebagai Asas Penggunaan Bahasa yang Berkesan

Penulisan kewartawanan menggunakan bahasa sebagai wahananya dan acuan bahasa yang menampung isi kewartawanan itu dibentuk berasaskan prinsip-prinsip linguistik yang berkaitan dengan jaringan hubung kait yang rumit antara pembicara atau penulis dengan khalayak. Bidang yang menangani hal tersebut dikenal sebagai retorik (Dixon, 1991). Retorik

pada asalnya merupakan seni atau kecekapan berpidato untuk mempengaruhi khalayak. Walau bagaimanapun, takrif retorik beragam-ragam menurut tokoh yang menghuraikannya sebagaimana kata Louis Glorfeld et al. (1965:174 dalam Gusti Ngurah Oka, 1990:23), retorik sukar ditakrifkan disebabkan maknanya yang tidak jelas dan sering berubah-ubah menurut individu-individu yang menggunakannya sama ada secara khusus mahupun secara umum. Bahkan ada ahli retorik seperti Hoyt H. Hudson yang menyatakan bahawa istilah tersebut telah banyak kehilangan konotasi baiknya apabila retorik dikaitkan oleh sesetengah orang dengan bahasa yang berbunga-bunga dan kepandaian untuk berdebat (Natanson et al., 1965:21). Tetapi, untuk mengetahui perkembangan selanjutnya, diperluaskan konsepnya sebagai disiplin yang mengajarkan penggarapan wacana secara sistematik untuk tujuan membina saling pengertian (Becker, 1976). Dengan kata lain, retorik berkaitan dengan strategi komunikasi yang baik sama ada secara lisan mahupun tulisan. Justeru, kertas kerja ini menekankan peri pentingnya penggunaan kiasan Melayu sebagai retorik dalam seni penulisan.

Metodologi Kajian

Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan kaedah analisis tertumpu yang menggunakan teks Belanjawan Malaysia 1998. Analisis tertumpu dilakukan dengan memberikan perhatian kepada penggunaan kiasan Melayu dalam teks tersebut. Selain itu, kajian ini turut menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif. Penyelidikan ini merujuk kepada kajian yang telah dibuat oleh Za'ba (1995) dan Abdullah Hassan (1993) sebagai asas kerangka fikiran dalam menghuraikan bahasa kiasan.

Bahasa dan Kiasan Melayu

Sejarah telah membuktikan bahawa tamadun yang dibangunkan oleh manusia memerlukan satu sistem bahasa yang baik bukan sahaja untuk berkomunikasi tetapi juga untuk mengungkapkan konsep dan nilai keintelektualan, merancang kegiatan ekonomi dan aktiviti kehidupan seharian. Dalam hubungan ini, orang Melayu terutamanya masyarakat Melayu feudal telah meletakkan bahasa sebagai alat perhubungan sosial yang penting. Mereka percaya, masyarakat yang kuat ialah masyarakat yang erat silaturrahimnya, mempunyai persefahaman dan hidup bertoleransi ibarat, *"aur dengan tebing"*.

Masyarakat Melayu dikatakan sentiasa berfikir panjang dalam menyatakan hasrat, kehendak, teguran dan kritikan kerana bimbang akan menyinggung perasaan orang lain. Mereka

sangat berhati-hati ketika berkomunikasi dan jarang-jarang berterus-terang ketika menyampaikan sesuatu maksud. Hal ini ada kaitannya dengan sistem nilai yang mendasari kehidupan orang Melayu yang mana menitik beratkan soal air muka, harga diri, maruah dan perasaan. Elemen-elemen ini merupakan lambang kehormatan dan kekuatan bangsa Melayu. Selain itu, adalah tidak sopan jika sesuatu perkara yang kurang manis itu diucapkan secara berterus-terang. Sehubungan itu, orang Melayu lebih gemar menggunakan bahasa kiasan sebagai salah satu cara untuk menyampaikan maksud yang tersirat.

Nilai dan Pandangan Hidup dalam Kiasan Melayu

Hashim Awang (1987:9) berpendapat bahasa kiasan ialah bahasa imaginatif yang membawa maksud lain daripada apa yang ditulis. Ia timbul apabila seseorang menghubungkaitkan fikirannya dengan sesuatu yang lain. Dalam bahasa Arab, perkataan kias (kiasan) atau ibarat berasal daripada perkataan *'qias'* yang bermakna menyampaikan sesuatu kepada sesuatu yang lain. Dalam konteks hukum Islam, qias adalah salah satu daripada sumber undang-undang yang empat dan diterima oleh semua mazhab Sunni selain Al-Quran, Al-Hadith dan ijmak. Dr. Ali Mohamad (1996:138-139), mentakrifkan qias sebagai satu sumber undang-undang yang menerangkan mengenai hukuman sesuatu yang hukumannya tidak ada nas dengan cara menghubungkan atau membandingkan sesuatu hukuman dengan sesuatu hukuman yang lain, yang mempunyai nas apabila ada hubungan hukum antara satu sama lain. Dari aspek kebahasaan pula, kiasan Melayu merupakan salah satu unsur gaya bahasa dan dikategorikan sebagai bahasa halus.

Penciptaan dan penggunaan bahasa kiasan tidak dilakukan secara rambang, tetapi didorong oleh faktor yang aktif (terutama yang dipengaruhi oleh pengalaman) yang wujud dalam pemikiran penggunanya. Kiasan Melayu menzahirkan hubungan antara minda dengan naluri manusia dan interaksi minda dengan alam ciptaan Tuhan. Tema kiasan Melayu didapati banyak mengungkapkan gambaran kepercayaan, nilai, perlakuan, keperibadian dan peraturan yang dipatuhi oleh masyarakatnya. Hal ini jelas tergambar dalam kata perbilangan seperti, *"kelebihan Nabi dengan mukjizat, kelebihan umat dengan muafakat, bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat, air melurut dengan bandarnya, benar melurut dengan muafakatnya".* Kata perbilangan ini menerapkan nilai kerjasama, toleransi, perpaduan dan kekuatan membina hubungan dalam masyarakat.

Kiasan Melayu berkait rapat dengan *world-view* masyarakatnya yang dapat diterjemahkan sebagai minda kelompok (kolektif). Sikap kolektivisme ini juga dimanifestasikan dengan istilah seperti *'national character'*, *'cultural personality'*, *'collective mind'*, *'super ego'* dan sebagainya yang merupakan generalisasi bagi satu kelompok manusia yang berkongsi wilayah dan budaya. Peribahasa yang dibentuk bukan sahaja dapat dijadikan pengajaran dan teladan malah mengandungi ilmu saintifik yang menyangkut hukum graviti *(daun dapat dilayangkan, getah jatuh ke perdu juga)*, botani *(kalau asal benih baik, jatuh ke laut menjadi pulau)*, genetik *(bapa borek anak rintik)*, hidrologi *(air dicincang tidak akan putus)*, fisiologi *(cubit paha kiri paha kanan terasa)* dan sebagainya (Nor Hashimah Jalaluddin (1988:820-830). Kajian oleh Nor Hashimah ini telah membuktikan bahawa masyarakat Melayu sebenarnya mempunyai pemikiran yang tajam, kreatif, peka terhadap fenomena alam dan bijak mengatur kehidupan. Justeru, dakwaan Winstedt (1950) bahawa kebanyakan peribahasa yang dihasilkan oleh orang Melayu lebih menyangkut kepada alam sekitar adalah disebabkan kehidupan mereka yang menjadikan alam sebagai sumber rezeki adalah tidak benar. Sebaliknya, kiasan Melayu yang dicipta oleh orang Melayu bukan sahaja menonjolkan objek alam, tetapi juga bersifat ilmiah dan sarat dengan pengajaran.

Kiasan Melayu dalam Belanjawan Negara 1998

Terdapat 18 kiasan Melayu yang telah dikenal pasti dan ianya terdiri daripada kiasan terus (1), kiasan berbunga (4), perumpamaan (7), bidalan (2), pepatah (2), perbilangan (1) dan personifikasi (1) yang terdapat dalam Belanjawan Negara 1998. Jadual 1 memaparkan kiasan Melayu dan jenis-jenisnya.

Jadual 1 : Kiasan Melayu dan Jenis-jenisnya

Bil.	Kiasan Melayu	Jenis Kiasan
1.	putaran kemakmuran	kiasan berbunga
2.	angin bertiup secara songsang	kiasan berbunga
3.	berat sama dipikul, ringan sama dijinjing	bidalan
4.	tersilap langkah, antan patah lesong hilang	pepatah
5.	seperti ayam dimakan tungau	perumpamaan
6.	kelebihan Nabi dengan mukjizat kelebihan umat dengan muafakat bulat air kerana pembentung bulat manusia kerana muafakat air melurut dengan bandarnya	perbilangan

	benar melurut dengan muafakatnya	
7.	saudagar kaya	kiasan terus
8.	biar papa asal bergaya	bidalan
9.	umpama ubat yang pahit	perumpamaan
10.	dunia riuh	kiasan berbunga
11.	kilat di dalam kilau, kabus mengandung hujan	pepatah
12.	bertiup seperti badai	perumpamaan
13.	badai di pasaran pertukaran asing mematahkan tiang-tiang bangunan ekonomi yang kita bina	personafikasi
14.	dinodai oleh segelintir manusia rakus	Kiasan berbunga
15.	berombak ekonomi kita di benua lain, tempiasnya sampai ke negara kita	perumpamaan
16.	memakai pelbagai topeng, sebentar menyokong, sekejap membentak, sekejap menjelma, kemudian menghilang	perumpamaan
17.	seperti dedalu api hinggap ke pohon kayu, hinggap ke batang, batangnya mati, hinggap ke ranting, rantingnya patah	perumpamaan
18.	ibarat bubuk yang memakan tiang seri masyarakat dan negara	perumpamaan

Strategi Penggunaan Kiasan Melayu

Hasil analisis menunjukkan bahawa objektif dan matlamat yang terdapat dalam teks tersebut telah dipersembahkan dengan jelas. Walau bagaimanapun, terdapat maksud tersirat di sebalik bahasa tersurat dengan menggunakan bahasa kiasan, seperti perumpamaan, bidalan dan pepatah. Penggunaan kiasan Melayu dalam teks Belanjawan Negara tidak dilakukan sewenang-wenangnya sebaliknya merupakan satu strategi untuk mencapai perkara-perkara yang berikut, iaitu memujuk, meminta simpati, menasihati, mempengaruhi, meyakinkan, memberi peringatan, menempelak dan mengkritik.

Memujuk

Daya pujukan yang tinggi memainkan peranan penting dalam bidang pengucapan awam kerana ia dapat menambat emosi dan sensitiviti pendengar. Dalam hubungan ini, penggunaan kiasan Melayu merupakan satu strategi yang digunakan untuk memujuk rakyat supaya lebih peka, memahami dan menghayati matlamat serta objektif Belanjawan Negara. Elemen pujukan diterapkan dalam bahasa kiasan bagi merapatkan jurang psikologi antara kerajaan dan rakyat. Misalnya, perumpamaan *"umpama ubat yang pahit"* digunakan sebagai satu strategi untuk memujuk rakyat supaya sentiasa sabar, tabah dan cekal menghadapi pergolakan ekonomi dunia. Ia secara tidak langsung dikatakan mempunyai kuasa untuk meredakan tekanan dan gangguan emosi yang dihadapi oleh rakyat akibat daripada krisis ekonomi. Pada masa yang sama, kerajaan dapat memujuk rakyat supaya menerima dasar-dasar pemuliharaan ekonomi yang disarankan sebagai satu penawar atau *"ubat"* yang dapat membantu memulihkan ekonomi negara. Perumpamaan *"umpama ubat yang pahit"* sangat sesuai digunakan untuk memujuk rakyat kerana ia relevan dengan kehidupan masyarakat yang mengganggap *"ubat"* sebagai penawar mujarab untuk menghilangkan kesakitan, ketegangan dan sebagainya.

Meminta Simpati

Perasaan simpati jika dilahirkan secara positif boleh mengubah fikiran dan tindak-tanduk seseorang itu. Dalam hal ini, elemen simpati dapat dicetuskan melalui pemilihan kata-kata yang sesuai dan disampaikan melalui bahasa kiasan. Dalam konteks kajian kiasan Melayu berbentuk perumpamaan digunakan untuk memberikan gambaran peristiwa yang berlaku, dan di sebalik bahasa tersebut tersembunyi harapan kerajaan yang mengharapkan rasa simpati dan pengertian daripada rakyat. Perumpamaan, *"bertiup seperti badai"* cuba memberikan gambaran kepada rakyat bahawa negara sedang mengalami krisis ekonomi yang hebat berikutan daripada pasaran pertukaran asing yang tidak menentu. Perkataan *"badai"* dipilih bagi dihubungkaitkan dengan situasi ekonomi semasa yang sedang tenat, huru-hara, bergelora dan tidak menentu. Ini ditambah pula dengan fakta dan perangkaan yang digunakan oleh pengucap yang menjelaskan bahawa nilai ringgit telah jatuh merudum daripada paras RM2.50 bagi AS$1.00. Kadar pertukaran ini merupakan sejarah pahit negara kerana ia merupakan paras paling rendah dalam tempoh 27 tahun. Justeru, mesej yang digarapkan dalam kiasan tersebut dan ditambah pula dengan keterangan fakta akan membolehkan rakyat menyelami fenomena yang berlaku dengan lebih berkesan.

Menasihati

Bahasa kiasan boleh juga digunakan sebagai satu strategi untuk menasihati rakyat sekaligus mencetuskan kesedaran dalam diri supaya mengamalkan gaya hidup positif. Dalam hubungan ini, kerajaan telah menunjukkan kebijaksanaannya apabila menyelitkan kiasan Melayu berbentuk bidalan dan kata perbilangan dalam ucapannya yang terbuka. Penggunaan bidalan *"berat sama dipikul, ringan sama dijinjing"* merupakan salah satu bidalan yang tidak asing lagi dalam kalangan rakyat. Bidalan ini secara tersiratnya menasihati rakyat supaya tidak mementingkan diri sendiri sebaliknya mestilah sentiasa bekerjasama, hormat-menghormati, toleransi dan bermuafakat. Begitu juga dengan kata perbilangan *"kelebihan Nabi dengan mukjizat, kelebihan umat dengan muafakat, bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat, air melurut dengan bandarnya, benar melurut dengan muafakatnya"* juga bertujuan untuk menasihati rakyat supaya menjalinkan hubungan yang erat sesama anggota masyarakat. Fakta agama yang dikemukakan iaitu *"kelebihan Nabi dengan mukjizat"* didapati sangat sesuai digunakan untuk menerapkan elemen-elemen positif dalam diri individu seperti bertimbang rasa, jujur, bertanggungjawab, penyayang dan sebagainya. Nilai-nilai murni yang terdapat dalam bidalan dan kata perbilangan ini seharusnya menjadi amalan dalam usaha mewujudkan keamanan dan keharmonian yang berterusan.

Mempengaruhi

Penggunaan kiasan Melayu merupakan satu strategi yang boleh mempengaruhi fikiran rakyat supaya memberikan reaksi dan tindak balas yang positif kepada kerajaan. Misalnya, perumpamaan *"ibarat bubuk yang memakan tiang seri masyarakat dan negara"* bukan sahaja indah daripada sudut bahasanya bahkan mempunyai mesej yang kuat. Dalam hubungan ini, kerajaan mengharapkan agar rakyat dapat mengubah sikap dan menolak sama sekali amalan memberi dan menerima rasuah. Sebaliknya, mereka harus mengutamakan kejujuran dan keikhlasan dalam setiap perkara yang dilakukan. Perkataan *"bubuk"*, *"memakan"* dan *"tiang seri"* mempunyai pertalian yang erat untuk menggambarkan risiko dan kesan buruk yang akan dihadapi oleh negara jika rasuah tidak berjaya dibendung. Rasuah boleh mengakibatkan kemusnahan dan keruntuhan tamadun bangsa dan negara. Pemilihan bahasa kiasan yang indah dan mesej di sebalik kiasan tersebut menarik perhatian pendengar sekaligus dapat mempengaruhi fikiran mereka supaya memerangi gejala rasuah.

Meyakinkan

Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan bahasa kiasan *"berombak ekonomi di benua lain, tempiasnya sampai ke negara kita"* bukan sekadar ingin menggambarkan pergolakan ekonomi dunia yang turut dirasai oleh negara Malaysia. Apa yang lebih penting ialah tujuan di sebalik bahasa kiasan tersebut, iaitu hendak menyakinkan rakyat bahawa fenomena dunia tanpa sempadan atau globalisasi secara tidak langsung telah mendedahkan seluruh negara kepada ancaman pasaran pertukaran asing yang jatuh merudum. Ini ditambah pula dengan keadaan ekonomi Malaysia yang berkembar dengan ekonomi negara-negara lain. Malaysia tidak dapat mengelak daripada menerima kesannya namun tindakan dan langkah-langkah segera perlu dilakukan untuk mengatasi masalah yang timbul. Pemilihan perkataan *"berombak"* dan *"tempias"* mempunyai kekuatan tersendiri yang dihasilkan daripada pengamatan terhadap alam sekitar. Inilah kekayaan yang terdapat dalam kiasan Melayu yang mampu mengungkap fenomena alam untuk dikaitkan dengan kehidupan manusia. Secara mudahnya, apabila laut berombak maka pantai akan menerima tempiasnya. Begitulah juga kedudukan ekonomi yang terpaksa menerima hakikat bahawa krisis ekonomi antarabangsa tetap tetap memberikan kesan kepada kepada ekonomi Malaysia.

Memberi Peringatan

Penggunaan pepatah *"kilat di dalam kilau, kabus mengandung hujan"* digunakan sebagai satu strategi kerajaan untuk memberikan peringatan dan amaran kepada pihak-pihak tertentu khususnya orang luar supaya lebih peka terhadap pendirian Malaysia yang tegas dalam menghadapi krisis ekonomi dunia. Kerajaan telah memberi kata dua, iaitu menggubal dan melaksanakan peraturan untuk pasaran urus niaga mata wang atau mengharamkan urus niaga tersebut sama sekali. Peringatan dan amaran ini secara tidak langsung membuktikan kepada pihak luar bahawa Malaysia memandang serius terhadap krisis ekonomi yang timbul dan akan mengambil tindakan yang tegas untuk mengatasinya. Oleh yang demikian, pihak luar tidak harus memandang rendah terhadap kemampuan Malaysia atau menidakkan peranannya dalam membangunkan semula pasaran ekonomi negara dan antarabangsa.

Menempelak

Masyarakat Melayu sangat menitikberatkan nilai budi bahasa kerana ianya dianggap sebagai lambang kesopanan dan kehalusan budi pekerti masyarakat pendukungnya. Justeru, mereka sangat berhati-hati ketika menyampaikan maksud khususnya apabila menggunakan bahasa terus kerana dikhuatiri akan menyinggung perasaan pendengar. Misalnya, bidalan *"biar papa asal bergaya"* merupakan bidalan yang sering diperkatakan namun penggunaan bidalan ini tidak dilakukan secara rambang. Menyedari hakikat bahawa perasaan rakyat perlu dijaga maka kerajaan mengatur strategi tersendiri. Dalam hubungan ini, bidalan digunakan untuk menempelak sikap golongan yang sanggup berbelanja lebih walaupun di luar kemampuan. Akibatnya, golongan ini terpaksa berhutang dan menanggung risiko yang tinggi kerana tidak mampu membiayai perbelanjaan mereka. Mesej yang halus tetapi tajam ini boleh diterima oleh rakyat kerana pengucap tidak menghukum atau menuding jari sebaliknya meninggalkan mesej kepada rakyat supaya turut sama berfikir.

Mengkritik

Norma interpretasi memainkan peranan yang penting dalam usaha menjayakan sesuatu interaksi. Pihak kerajaan perlu memahami peristiwa komunikasi dalam sesuatu masyarakat terutamanya yang berkait dengan budaya, adat dan kepercayaan. Dalam hubungan ini, kata-kata yang kasar dan boleh menyinggung perasaan rakyat dianggap sebagai bahasa yang tidak beradab kerana ia bertentangan dengan budaya masyarakat Timur. Oleh yang demikian, penggunaan bahasa tak terus seperti kiasan Melayu dapat mengelakkan konflik. Misalnya, kiasan terus *"saudagar kaya''* digunakan untuk mengkritik sikap sebahagian besar ahli perniagaan atau usahawan yang suka bermegah-megah dengan barangan buatan luar negara dan memandang rendah kepada barangan keluaran tempatan. Pengkaji percaya sekiranya pengucap menggunakan bahasa terus seperti ahli perniagaan atau usahawan maka ia boleh menyinggung perasaan golongan tersebut yang mungkin tidak bersikap sedemikian. Sebaliknya, kiasan *"saudagar kaya"* lebih sesuai digunakan bagi menggambarkan sikap negatif ahli perniagaan yang tidak peka terhadap krisis ekonomi negara. Begitu juga dengan penggunaan perumpamaan, *"sebentar menyokong, sekejap membentak, sekejap menjelma kemudian menghilang"*. Dalam perumpamaan ini, pengucap menyelar dan mengkritik sikap segelintir anggota masyarakat yang tidak mempunyai pendirian yang tetap dalam membuat keputusan sebaliknya mudah dihasut oleh orang lain. Akibatnya, golongan ini mudah diperdayakan oleh

orang lain demi memenuhi kehendak peribadi mereka. Oleh yang demikian, rakyat mestilah berhati-hati supaya tidak tertipu dengan permainan muslihat mareka.

Kesimpulan

Kiasan Melayu merupakan satu khazanah bangsa yang tiada tolok bandingnya dalam mencerminkan peradaban tamadun bangsa. Justeru, penggunaan kiasan Melayu dalam teks Belanjawan Malaysia 1998 yang dipaparkan dalam akhbar Utusan Malaysia bertarikh 18 Oktober 1997 merupakan satu strategi yang berkesan untuk memujuk, meraih simpati, menasihati, mempengaruhi, meyakinkan, memberi peringatan, menempelak dan mengkritik. Dalam retorik penulisan kewartawanan pula, kiasan Melayu berupaya mengungkapkan kesantunan, ketertiban dan keteraturan fikiran. Dengan kata lain, kiasan Melayu dapat membentuk minda yang kritis, optimis dan kental dalam menghadapi arus kemodenan. Mengetengahkan dan meletakkan kiasan di tempat yang tinggi bukanlah usaha yang mudah tetapi merupakan satu cabaran untuk menguji ketahanan diri daripada akar umbi.

RUJUKAN

Abdullah Hassan (2001). *Komunikasi untuk bakal pendakwah*, PTS: Publications & Distributors, Sdn. Bhd.

Ahmad Mahmood Musanif (2001). Pemakaian Bahasa Melayu sebagai Gambaran Budaya dan Cara Berfikir Masyarakat Melayu Sumatera Timur. *Monograf edisi khas*, Jabatan Bahasa Melayu, UPM. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Ali bin Mohamad (1996). *Tamadun islam*. Kuala Lumpur: Akademi pengajian Islam, UM, 138-139.

Awang Mataim Bakar (2000). "Perambahan Brunei sebagai Pencerna Pemikiran Masyarakat Melayu Brunei". *Kumpulan kertas kerja kolokium bahasa dan pemikiran Melayu/Indonesia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Awang Sariyan (1986). *Kesinambungan bahasa dalam sastera Melayu*. Petaling Jaya : Fajar Bakti.

Awang Sariyan (2005). "Nilai dan Peranan Bahasa dalam Komunikasi". *Dewan bahasa*. (Mac 2005) V. 5 (3). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Becker, A.L., (1976). " A Tagmemic Approach to Paragraph Analysis", dlm. L.G. Richards. *Rhetoric and composition a sourch-book for teachers*. U.S.A. : Hyden Book Co. Inc.

Belanjawan (1998). Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia. Kementerian Penerangan Malaysia.

Dixon, P., (1991). *Retorik*. Diterjemah oleh Ismail Hamzah Nasution. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Emery,M., Emery E., dan Robert N.L., (1996). *The press and America: An interpretative history of the mass media*. U.S.A. : Allyn and Bacon.

Eisenstein, E., (1980). *The printing press as an agent of change*. Cambridge, England : Cambridge University Press.

Gusti Ngurah Oka Basuki. (1990). *Retorik kiat bertutur*. Malang : Yayasan Asih Asah Asuh.

Hashim Awang (1987). Glosari mini kesusasteraan. Petaling Jaya: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Itule, B.D. dan Anderson, D.A. 2000. *News writing and reporting for today's media*. U.S.A : McGraw Hill Book Co.

Leech, G. (1993). *Prinsip pragmatik*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Md. Sidin Ahmad Ishak dan Mohd. Salleh Rahamad (1998). *Strategi bahasa panduan nahu dan retorik untuk penulisan*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.

Natanson, et al., (1965). *Philosophy, rhetoric and argumentation*. U.S.A. : University of Park.

Norhashimah Jalaluddin (1988). "Bahasa Melayu sebagai Bingkai Pemikiran Masyarakat Melayu " dalam *Dewan bahasa*, Jilid 12 (11): 820-830.

Richard, I.A., (1965). *ThepPhilosophy of rhetorics*. U.S.A : Galaxy Book.

Roberts, W.R., (1954). *Aristotle, rhetoric*. New York : Random House Inc.

Siebert, F.S., Peterson, T. dan Schramm, W. 1987. *Empat teori akhbar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Winstedt, Richard (1950). *Malay proverbs*. Graham Brash (Pte) Ltd.